unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Milik Penuh Kerajaan
Negeri Selangor

ISTIADAT KONVOKESYEN Ke-20

"Mahasiswa Budiman,
Graduan Idaman"

DEWAN CANSELOR | KAMPUS BESTARI JAYA

26 – 28 SEPTEMBER 2026





ISTIADAT unisel | Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor

KONVOKESYEN Ke-20

DEWAN CANSELOR
KAMPUS BESTARI JAYA
26 – 28 SEPTEMBER 2026





TEMA

"Mahasiswa Budiman, Graduan Idaman" ialah tema Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor (UNISEL) Ke-20 Tahun 2026. Tema ini berteraskan Dasar Mahasiswa Budiman UNISEL yang menekankan pembangunan insan secara holistik dan seimbang, merangkumi aspek ilmu, nilai dan sahsiah, selaras dengan slogan "Mahasiswa Budiman, Graduan Idaman" yang digagaskan oleh Universiti.

Tema ini menggambarkan transformasi mahasiswa kepada graduan yang berketerampilan dan berwibawa. Mahasiswa Budiman melambangkan kecerdasan intelektual yang dipadankan dengan kekuatan akhlak, integriti dan jati diri, manakala Graduan Idaman pula ialah graduan pilihan masyarakat dan industri yang mengimbangi ilmu pengetahuan, kemahiran profesional dan nilai etika.

Dilengkapi kemahiran Kecerdasan Buatan (AI), graduan UNISEL diharap mampu menjadi agen perubahan yang menyumbang kepada pembangunan sosial, ekonomi dan peradaban negara di era digital. Reka bentuk konvokesyen ini diterjemahkan melalui Cokmar UNISEL sebagai simbol Kedaulatan Ilmu serta siluet mahasiswa yang bercantum dengan rangkaian neural digital, melambangkan pemerkasaan teknologi masa hadapan. Ia juga menjadi jenama graduan UNISEL yang kompeten dan berdaya saing dalam mendepani cabaran alaf baharu.

VISI

Untuk menjadi universiti terulung yang mendidik para profesional dan ilmuwan yang mempunyai moral dan etika terpuji.

MISI

UNISEL beriltizam menyediakan persekitaran pembelajaran yang cemerlang untuk menjana profesional dan ilmuwan yang kompeten, telus dan beretika.

VISION

To be a renowned university that nurtures professionals and scholars with high moral and ethical values.

MISSION

UNISEL is committed to provide excellent and conducive learning environment to develop competent, upright and ethical professionals and scholars.



NILAI-NILAI TERAS *CORE VALUES*

INTEGRITI *INTEGRITY*

Beriltizam untuk berpegang kepada prinsip amanah, kebenaran, keadilan dan saling menghormati.
Committed to the ultimate principles of trust, truthfulness, fairness and mutual respect.

INOVASI *INNOVATION*

Beriltizam untuk mengejar ilmu dan idea, sentiasa bersedia menyesuaikan diri dan mampu membuat penyelesaian secara inovatif.
Committed to pursuing knowledge and ideas, being continuously adaptable and striving to develop innovative solutions.

AKAUNTABILITI *ACCOUNTABILITY*

Beriltizam untuk bertanggungjawab dan berkewajipan dalam menguruskan sumber manusia, kewangan, fizikal dan intelektual.
Committed to being responsible and accountable stewards of human, financial, physical and intellectual resources.

KUALITI DAN KECEMERLANGAN *QUALITY AND EXCELLENCE*

Beriltizam untuk menambah baik kualiti secara berterusan dan cemerlang dalam semua tindakan.
Committed to continous quality improvement and excellence in all our endeavours.

KETERBUKAAN *ACCESSIBILITY*

Beriltizam untuk menyediakan peluang pendidikan yang maksimum kepada semua.
Committed to providing maximum educational opportunities for all.

SEMANGAT SETIA KAWAN *COLLEGIALITY*

Beriltizam untuk membina semangat setia kawan dan kerja berpasukan.
Committed to instilling the spirit of loyalty and teamwork.

ISI KANDUNGAN

Contents

CANSELOR DAN PRO-CANSELOR / *CHANCELLOR AND PRO-CHANCELLOR* ..... 6 - 9

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNISEL SDN. BHD. / *CHAIRMAN OF UNISEL SDN. BHD. BOARD OF DIRECTORS* ..... 10 - 11

KEPIMPINAN UNIVERSITI / *UNIVERSITY LEADERSHIP*
- Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif / *Executive Management Committee* ..... 12 - 13
- Senat / *Senate* ..... 14 - 17
- Jawatankuasa Pengurusan (Dekan dan Pengarah / *Management Committee (Deans and Directors)* ..... 18 - 21

KEPIMPINAN AKADEMIK FAKULTI / *FACULTY ACADEMIC LEADERSHIP* ..... 22 - 24

COKMAR / *THE MACE* ..... 26 - 27

JUBAH AKADEMIK / *ACADEMIC ROBE* ..... 28 - 29

JUBAH GRADUAN / *GRADUATION ROBE* ..... 30 - 31

ATUR CARA ISTIADAT KONVOKESYEN / *CONVOCATION CEREMONY PROGRAMMES* ..... 32 - 37

MAHASISWA BUDIMAN, GRADUAN IDAMAN ..... 40 - 50

ANUGERAH AKADEMIK / *ACADEMIC AWARDS* ..... 52 - 53
- Anugerah Canselor 2026 / *Chancellor Award 2026* ..... 54 - 55
- Anugerah Pengerusi 2026 / *Chairman Award 2026* ..... 56 - 57
- Anugerah Exco Pendidikan (Doktor Falsafah) 2026 / *Education Exco Award (Doctor of Philosophy) 2026* ..... 58 - 59
- Anugerah Exco Pendidikan (Sarjana) 2026 / *Education Exco Award (Master's Degree) 2026* ..... 60 - 61
- Anugerah Exco Pendidikan (Ijazah Sarjana Muda) 2026 / *Education Exco Award (Bachelor's Degree) 2026* ..... 62 - 63
- Anugerah Naib Canselor 2026 / *Vice Chancellor Award 2026* ..... 64 - 65
- Anugerah Sains Kesihatan SELFA 2026 / *SELFA Health Sciences Award 2026* ..... 66 - 67
- Anugerah Presiden BEM 2026 / *BEM President's Award 2026* ..... 68 - 69
- Anugerah Khas UNISEL (Doktor Falsafah) 2026 / *UNISEL Special Award (Doctor of Philosophy) 2026* ..... 70 - 71
- Anugerah Khas UNISEL (Sarjana) 2026 / *UNISEL Special Award (Master's Degree) 2026* ..... 72 - 73

STATISTIK GRADUAN UNISEL 2006-2026 / *STATISTICS OF UNISEL GRADUATES, 2006-2026* ..... 74 - 75

ANUGERAH PELAJAR TERBAIK FAKULTI TAHUN 2026 / *FACULTY BEST STUDENT AWARD YEAR 2026* 76

ANUGERAH PELAJAR TERBAIK PROGRAM TAHUN 2026 / *PROGRAMME BEST STUDENT AWARD YEAR 2026* ..... 77 - 78

SENARAI PROGRAM AKADEMIK / *LIST OF ACADEMIC PROGRAMMES* ..... 79 - 81

SENARAI GRADUAN / *LIST OF GRADUATES* ..... 82 - 111

LAGU NEGARAKU / *NATIONAL ANTHEM* ..... 112 -113
LAGU NEGERI SELANGOR / *SELANGOR STATE ANTHEM* ..... 112 -113
LAGU UNISEL / *UNISEL ANTHEM* ..... 112 -113

TAJAAN / *SPONSORSHIP* 114

PENGHARGAAN / *ACKNOWLEDGEMENT* 115

CANSELOR DAN PRO-CANSELOR

CHANCELLOR AND PRO-CHANCELLOR





CANSELOR

CHANCELLOR

Y.A.D. Engku Setia Lela Bestari
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Al-Haj
bin Raja Tun Uda Al-Haj



PRO-CANSELOR
PRO-CHANCELLOR

Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Ibrahim



PRO-CANSELOR
PRO-CHANCELLOR

Y.A.D. Engku Sri Paduka Diraja
Raja Dato' Reza Al-Haj
bin Raja Dato' Zaib Shah Al-Haj

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNISEL SDN. BHD.

CHAIRMAN OF UNISEL SDN. BHD. BOARD OF DIRECTORS





PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNISEL SDN. BHD.

CHAIRMAN OF UNISEL SDN. BHD. BOARD OF DIRECTORS

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari
Dato' Menteri Besar Selangor

KEPIMPINAN UNIVERSITI

UNIVERSITY LEADERSHIP

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

EXECUTIVE MANAGEMENT COMMITTEE





A **YBhg Prof. Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan bin Basri**
Presiden & Naib Canselor

B **Prof. Madya Dr. Fridelina binti Sjahrir**
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Penyelidikan)

C **Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh**
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor
(Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)

D **Prof. Madya Dr. Dzulkarnain bin Ahmad**
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor
(Transformasi & Jaringan Industri)

E **Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak**
Pengarah Kampus Shah Alam &
Pengarah Institut Pemikiran dan
Kepemimpinan Siddiq Fadzil

F **En. Mohd Razaki bin Abdullah**
Pendaftar

G **En. Mohammed Akram bin Dato' Setia Haji Mohd Tamyes**
Bendahari

H Ahli Pengurusan Eksekutif Dijemput:
En. Amran bin Abdul Wahab
Penasihat Kewangan Korporat UNISEL

KEPIMPINAN UNIVERSITI

UNIVERSITY LEADERSHIP

SENAT

SENATE





YBhg Prof. Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan bin Basri
Presiden & Naib Canselor



Prof. Madya Dr. Fridelina binti Sjahrir
Naib Presiden &
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Penyelidikan)



Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh
Naib Presiden &
Timbalan Naib Canselor
(Pembangunan Pelajar &
Jaringan Komuniti)



Prof. Madya Dr. Dzulkarnain bin Ahmad
Naib Presiden &
Timbalan Naib Canselor
(Transformasi &
Jaringan Industri)



Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak
Profesor/
Pengarah Kampus Shah Alam &
Pengarah Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil



Prof. Dr. Norhayah binti Zulkifli
Profesor/
Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FBA) & Pengarah Selangor Business School



Prof. Madya Ts. Dr. Wan Azlan bin Wan Hassan @ Wan Harun
Dekan Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran (FCVAC)



Prof. Madya Dr. Muhammad bin Daoh
Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FESS)



Dr. Mokhtazul Haizad bin Mokhtaram
Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat (FKSH)



Dr. Ng Ming Yip
Dekan Fakulti Pembangunan Mahasiswa Budiman (FPMB)



En. Mohd Sharikh Dali bin Mahad
Dekan Fakulti Sains Kesihatan (FSK)



Ts. Dr. Norazah binti Mohammad Nawawi
Dekan Pusat Pengajian Siswazah (CGS)



Dr. Juwairiyyah binti Abdul Rahman
Pengarah Jabatan Pengurusan dan Kecemerlangan Akademik



Prof. Madya Dr. Hashimah binti Ismail
Pengarah Jabatan Antarabangsa



Ts. Dr. Izyani binti Mat Rusni
Pengarah Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi



Prof. Madya Dr. Nur Syufiza binti Ahmad Shukor
Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi

Ex-Officio



En. Mohd Razaki bin Abdullah
Pendaftar/
Setiausaha Senat



En. Mohammed Akram bin Dato' Setia Haji Mohd Tamyes
Bendahari

KEPIMPINAN UNIVERSITI

UNIVERSITY LEADERSHIP

JAWATANKUASA PENGURUSAN (DEKAN DAN PENGARAH)

MANAGEMENT COMMITTEE (DEANS AND DIRECTORS)





Dari kiri ke kanan:

Prof. Dr. Norhayah binti Zulkifli
Dekan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FBA) &
Pengarah Selangor Business School

Dr. Ng Ming Yip
Dekan Fakulti Pembangunan Mahasiswa Budiman (FPMB)

Prof. Madya Ts. Dr. Wan Azlan bin Wan Hassan @ Wan Harun
Dekan Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran (FCVAC)

Prof. Madya Dr. Muhammad bin Daoh
Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FESS)

En. Mohd Sharikh Dali bin Mahad
Dekan Fakulti Sains Kesihatan (FSK)

Dr. Mokhtazul Haizad bin Mokhtaram
Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat (FKSH)

Ts. Dr. Norazah binti Mohammad Nawawi
Dekan Pusat Pengajian Siswazah (CGS)



Dari kiri ke kanan:

Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak
Pengarah Kampus Shah Alam &
Pengarah Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil

En. Hasri bin Harun
Pengarah Penerbit UNISEL

En. Muhammad bin Hashim
Pengarah Pusat Kecerdasan Digital UNISEL

En. Hasril bin Abu Hassan
Pengarah Jabatan Keselamatan & Pengurusan Kenderaan

En. Juniran bin Nazri
Pengarah Pusat Alumni dan Kebolehpasaran Graduan UNISEL

En. Muhammad Al Hafiz bin Abd Rahaman
Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat

En. Hafiz bin Abdul Rahim
Ketua Perpustakaan

En. Mohd Ikwaniata bin Taib
Pengarah Pusat Sukan dan Budaya

En. Azrul Azrin bin Wahab
Pengarah Jabatan Pemasaran & Kemasukan

En. Zainal Azhar bin Zainal Azim
Pengarah Jabatan Bantuan Kewangan Pelajar

En. Mohd Khatta bin Marwah
Pengarah Jabatan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti

En. Mohd Darnalis bin A. Rahman
Pengarah Pusat Pembelajaran Digital dan Fleksibel

En. Moktar Dahari bin Dawe
Pengarah Pusat Kegiatan Pelajar & Jaringan Komuniti



Dari kiri ke kanan:

Ts. Dr. Izyani bin Mat Rusni
Pengarah Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi

Dr. Intan Faraha binti A. Ghani
Pengarah Pusat Komersialisasi dan Jaringan Industri

Dr. Juwairiyyah binti Abdul Rahman
Pengarah Jabatan Pengurusan dan Kecemerlangan Akademik

Prof. Madya Dr. Hashimah binti Ismail
Pengarah Jabatan Antarabangsa

Pn. Nor Akmariah binti Abdullah
Pengarah Pusat Residensi Pelajar

Prof. Madya Dr. Nur Syufiza binti Ahmad Shukor
Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi

Prof. Madya Dr. Rosima binti Alias
Pengarah Jabatan Sumber Manusia

Pn. Azar Faiza binti Mohd Lud
Pegawai Undang-Undang
Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang

KEPIMPINAN AKADEMIK FAKULTI

FACULTY ACADEMIC LEADERSHIP

FAKULTI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN (FBA)

FACULTY OF BUSINESS AND ACCOUNTANCY (FBA)

PROF. DR. NORHAYAH BINTI ZULKIFLI
Dekan

PN. ROSMAWATI BINTI MAHFAR
Timbalan Dekan
(Akademik)

DR. ZAHARUZAMAN BIN JAMALUDDIN
Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan Pascasiswazah)

PN. JULIZA BINTI MOHAMED
Timbalan Dekan
(Pemasaran dan Pembangunan Pelajar)

EN. HALIMI BIN PONIRAN
Ketua Jabatan
(Perakaunan, Kewangan dan Muamalat)

PN. NOOR MALINDA BINTI MOHAMED MOHAN
Ketua Jabatan
(Pengurusan Perniagaan dan Industri Sukan)

CIK REENY KARLINA BINTI ABDUL RAUF
Ketua Jabatan
(Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL (FESS)

FACULTY OF EDUCATION AND SOCIAL SCIENCES (FESS)

PROF. MADYA DR. MUHAMMAD BIN DAOH
Dekan

CIK NA-THINAMALAR MAGISWARY A/P NADARAJAN
Timbalan Dekan
(Akademik)

DR. NOOR FADHZANA BINTI MOHD NOOR
Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan Pascasiswazah)

PN. NURRUL HUWAINA BINTI RIDZUAN LOTFI
Timbalan Dekan
(Pemasaran dan Pembangunan Pelajar)

EN. MAARUF BIN RABU
Ketua Jabatan
(Pengajian Awal Kanak-Kanak)

PN. HAFIZAH BINTI KUSNEK @ KHUSNI
Ketua Jabatan
(Pengajian Islam)

PN. SUZULAIKHA BINTI MOHAMED
Ketua Jabatan
(Pendidikan Bahasa)

PN. ANGELA CHAN NGUK FONG
Ketua Jabatan
(Sains Sosial)

FAKULTI KOMUNIKASI, SENI VISUAL DAN PENGKOMPUTERAN (FCVAC)

FACULTY OF COMMUNICATION, VISUAL ARTS AND COMPUTING (FCVAC)

PROF. MADYA TS. DR. WAN AZLAN BIN WAN HASSAN @ WAN HARUN
Dekan

EN. ZAHRUL AZWAN BIN ABSL KAMARUL ADZHAR
Timbalan Dekan
(Akademik)

DR. KAMSIAH BINTI MOHAMED
Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan Pascasiswazah)

TS. DR. NUR SHAZLEEN BINTI MD YUSOF
Timbalan Dekan
(Pemasaran dan Pembangunan Pelajar)

PN. AZIRA AZLIN BINTI SHAHARUDDIN
Ketua Jabatan
(Komunikasi)

PN. LAILI MARDZIAH BINTI TAJUDDIN
Ketua Jabatan
(Seni Visual)

DR. SITI HAWA BINTI MOHD YUSOFF
Ketua Jabatan
(Pengkomputeran)

FAKULTI KEJURUTERAAN DAN SAINS HAYAT (FKSH)

FACULTY OF ENGINEERING AND LIFE SCIENCES (FELS)

DR. MOKHTAZUL HAIZAD BIN MOKHTARAM
Dekan

TS. DR. NORAZEAN BINTI SHAARI @ MD NOH
Timbalan Dekan
(Akademik)

DR. ROSHANI BINTI OTHMAN
Timbalan Dekan
(Penyelidikan dan Pascasiswazah)

TS. DR. MOHD FADZLI BIN AHMAD
Timbalan Dekan
(Pemasaran dan Pembangunan Pelajar)

TS. DR. NURUDIN BIN HABEED MOHD ABDUL SETTAR
Ketua Jabatan
(Kejuruteraan)

TS. DR. HASDIANTY BINTI ABDULLAH
Ketua Jabatan
(Sains & Bioteknologi)

FAKULTI SAINS KESIHATAN (FSK)
FACULTY OF HEALTH SCIENCES (FSK)

EN. MOHD SHARIKH DALI BIN MAHAD
Dekan

TS. MOHD JAAMIA QAADIR BIN MOHD BADRIN
Timbalan Dekan
(Akademik dan Penyelidikan)

DR. AHMAD NORASIDI BIN MOHD RAFFIE
Timbalan Dekan
(Pemasaran dan Pembangunan Pelajar)

DR. MOHD NAZIF BIN SAMAT @ DARAWI
Timbalan Dekan
(Pascasiswazah)

TS. SAWAL BIN MARSAIT
Ketua Jabatan
(Diagnostik Perubatan)

PN. KHAIRUL MAZZURA BINTI MANSOR
Ketua Jabatan
(Pengurusan Penjagaan Kesihatan dan Rehabilitasi)

EN. MOHD AMIR BIN ARSHAD
Ketua Jabatan
(Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan Pekerjaan)

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (CGS)
CENTRE FOR GRADUATE STUDIES (CGS)

TS. DR. NORAZAH BINTI MOHAMMAD NAWAWI
Dekan

FAKULTI PEMBANGUNAN MAHASISWA BUDIMAN (FPMB)
FACULTY FOR THE DEVELOPMENT OF STUDENTS OF NOBLE CHARACTER (FPMB)

DR. NG MING YIP
Dekan

EN. ARIF BAHARI BIN MOHAMED MUSLI
Timbalan Dekan

CIK AZAR FATIHA BINTI MOHD LUD
Timbalan Dekan

PN. NORHAYATI BINTI MOHD AMIN
Timbalan Dekan



COKMAR

Cokmar Universiti Selangor yang berbentuk keris melambangkan kuasa Universiti Selangor yang dianugerahkan dengan limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj bersempena dengan pelantikan Canselor yang pertama.

Cokmar ini yang terdiri daripada sarung keris dan ulu keris diperbuat daripada emas dan perak, berukuran 1.4 meter panjang dan seberat 8 kilogram. Pangkal sarung tersemat kalimah "Bismillahirrahmanirrahim" yang menunjukkan bahawa semua pekerjaan yang dilakukan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan adalah dengan izin Allah SWT.



Keris melambangkan kebijaksanaan dan kepahlawanan orang Melayu mempertahankan kedaulatan negara seperti UNISEL mendaulatkan, mempertahankan dan meningkatkan keupayaan industri Malaysia berdaya saing secara global melalui sistem pendidikan tinggi yang bersinergi antara kecemerlangan akademik dengan prestasi industri.

Lambang utama berbentuk bunga tanjung (bunga rasmi negeri Selangor) iaitu lambang negeri Selangor, merupakan simbol kepada misi dan visi UNISEL di awal penubuhannya.

Perkataan UNIVERSITI SELANGOR yang terukir pada keris mempunyai enam elemen universiti iaitu logo UNISEL, masjid, graduasi, industri, komputer dan satelit. Pada hujung sarung tersebut terukir lencana-lencana persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia.

Bentuk bulat seperti batil pada pertengahan hulu keris melambangkan tempat terkandungnya ilmu pengetahuan. Pada bahagian atas batil ini terukir lima jejari daun melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi asas pembangunan dan perkembangan universiti.

Pada penghujung hulu keris terdapat tiga bahagian ukiran bunga untuk mencerminkan objektif utama penubuhan universiti, iaitu:

- Melaksanakan pendidikan tinggi yang berterusan dan fleksibel, pada bila-bila masa dalam peningkatan kerjaya mengikut keupayaan dan keselesaan sendiri.
- Merapatkan hubungan industri dengan universiti bagi memenuhi keperluan sektor industri dengan mengiktiraf pendidikan akademik dan pengalaman sektor industri.
- Mengamalkan pendemokrasian pendidikan dan membuka peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik dan profesionalisme melalui pendidikan sepanjang hayat.

THE MACE

The UNISEL mace, in the shape of a kris signifies the preeminence of the university bestowed with the sanction of Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj in concurrence with the installation of the first Chancellor.

The mace, crafted with gold and silver, measures 1.4 meters and weighs 8 kilograms. It comprises two distinct parts, which consists of a sheath and hilt of the kris. The base of the sheath is marked with the invocation "Bismillahirrahmanirrahim" which denotes that all efforts in the pursuit of knowledge is by the Will of Allah.

The kris symbolises the wisdom and courage of the Malay people in protecting the sovereignty of the nation. Similarly, UNISEL reveres, protects and elevates the capabilities of Malaysian industry to compete globally by means of a higher education system, which encompasses the synergy of academic excellence and industry performance.

The emblems in the shape of the "bunga tanjung" motif (the official flower of Selangor state) are indicative of the UNISEL vision and mission.

Under the words UNIVERSITI SELANGOR, six elements of the university are illustrated and these elements are: the logo of the university, mosque, graduation, industry, computer and satellite. At the tip of the sheath, the Malaysian Federal and States emblems are beautifully engraved.

The roundness at the mid-point of the handle of the kris connotes the storage or receptacle of knowledge. On the upper part, five leafy pointers designate the five principles of the Rukun Negara representing the foundations for development and growth of the university.

At the crown of the kris, three sections of flowery motif engravings reflect the main objectives of the university establishment:

- To implement flexible and continuous higher education at any point of time in one's career development according to the individual's convenience and capability.
- To foster a close relationship between industries and the university in order to fulfill the needs of the industrial sectors by giving due recognition to academic and the industrial sector experience.
- To practice democratisation of education by making education opportunities accessible to all segments of society for the purpose of elevating academic achievements and professionalism through lifelong learning.

JUBAH AKADEMIK
ACADEMIC ROBE



MOTIF

Motif-motif yang digunakan itu memaparkan sifat-sifat asal daripada setiap benda atau tumbuhan yang berasaskan nilai-nilai kepercayaan dan budaya tempatan yang berpandukan nilai-nilai luhur agama Islam.

Idea di sebalik motif tersebut menganjurkan masyarakat yang arif, tulus serta halus budi pekerti. Dalam peribahasa Melayu, "Hidup berselimut adat, mati berkafan iman" terpahat pada corak hiasnya. Reka bentuk pucuk rebung adalah berasaskan sumber alam yang hampir dengan kehidupan masyarakat. Motif ini berkaitan dengan peribahasa "Jika mahu melentur buluh, haruslah daripada rebungnya" yang bermaksud lebih baik menyemaikan nilai-nilai murni mulai daripada usia muda.

The motifs used represent the original properties of each object or plant based on the values of local beliefs and cultures that are associated with the noble values of Islam.

The idea behind the motifs promotes a community that is wise, sincere and well-mannered. The values from the Malay proverb "To live wrapped in custom, to die shrouded in faith" are embedded within the decorative pattern. The design of bamboo shoots is based on nature that is close to the lives of the community. This motif relates to the proverb "To bend a bamboo, start when it is still a shoot" which means it is wiser to start cultivating good values at an early age.



PUCUK REBUNG PENUH

Falsafah

Memakai pucuk rebung penuh
Hati suci akal senonoh
Bagaikan pohon tempat berteduh
Pinggan berisi mangkuk pun penuh

Dipapar pucuk rebung penuh
Nampak rimbun memberi teduh
Hati suci perangai senonoh
Poket berisi otak juga penuh



PUCUK REBUNG KUNTUM TERKULAI

Falsafah

Memakai pucuk rebung terkulai
Sama lebat kiri kanannya
Perangai elok kampung pun ramai
Sama hormat lelaki perempuannya

Pucuk rebung terkulai dipakai
Terserlah hebat di kiri kanannya
Perangai elok petua berdamai
Bersatu padu, bahagia akhirnya

JUBAH GRADUAN
GRADUATION ROBE



Jubah graduan bagi ijazah kedoktoran ditampilkan untuk pertama kalinya dalam Istiadat Konvokesyen ke-10, 2015. Rekaan jubah berwarna biru gelap dihiasi dengan motif yang mencerminkan nilai-nilai kepercayaan dan budaya tempatan berdasarkan nilai-nilai luhur agama Islam.

Pada Istiadat Konvokesyen Kesembilan, jubah akademik bagi graduan Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma telah ditukar secara rasminya kepada jubah berwarna hitam tanpa sebarang hiasan motif. Tahap ijazah para graduan dibezakan dengan renda berwarna perak di hud iaitu satu renda untuk graduan Sarjana Muda dan dua renda untuk graduan Sarjana. Bagi graduan Diploma pula, selempang berwarna jingga dipakai menggantikan hud bagi semua fakulti.


The graduate's robe for the doctoral degree was displayed for the first time in the 10th Convocation Ceremony in 2015. The dark blue robe design is decorated with motifs reflecting the values of local beliefs and culture based on the noble values of Islam.

At the Ninth Convocation Ceremony, the colour of the academic robe for Master, Bachelor and Diploma graduates was officially changed to black with no motifs. Level of graduates distinguished by silver-coloured lace in the hood which is a single lace for Bachelor's degree and double lace for Master's degree. For Diploma graduates, an orange sash is used instead of hood for all faculties.

SARJANA / *MASTERS*



SARJANA MUDA / *DEGREE*



Sains Kesihatan
Health Sciences



Seni Visual
Visual Art



Perniagaan & Perakaunan
Business & Accountancy



Komunikasi Communication



Kejuruteraan
Engineering



Pendidikan & Sains Sosial
Education & Social Sciences



Sains & Bioteknologi
Science & Biotechnology



Pengkomputeran
Computing

DIPLOMA / *DIPLOMA*



ISTIADAT
KONVOKESYEN Ke-20
DEWAN CANSELOR
KAMPUS BESTARI JAYA
26 – 28 SEPTEMBER 2026

ATUR CARA ISTIADAT KONVOKESYEN

CONVOCATION CEREMONY PROGRAMMES



SIDANG PERTAMA: SABTU (PAGI), 26 SEPTEMBER 2026

FIRST SESSION: SATURDAY (MORNING), 26th SEPTEMBER 2026

MASA/*TIME*	**ATUR CARA**/*PROGRAMMES*
8.00 AM	Jemputan Mengambil Tempat
8.45 AM	Ketibaan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
	Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari
	Ketibaan Pro-Canselor:
	Y.A.D. Engku Sri Paduka Diraja, Raja Dato' Reza Al-Haj bin Raja Dato' Zaib Shah Al-Haj
	Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Ibrahim
8.50 AM	Ketibaan Canselor:
	Y.A.D. Engku Setia Lela Bestari, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Al-Haj bin Raja Tun Uda Al-Haj
9.00 AM	Perarakan Graduan Masuk Dewan
9.20 AM	Perarakan Akademik Masuk Dewan
9.30 AM	Perarakan Besar Masuk Dewan
9.35 AM	Perarakan Canselor Masuk Dewan
	Lagu Negeri Selangor
	Lagu Negaraku
	Bacaan Doa
	Pengumuman Tujuan Istiadat oleh Presiden dan Naib Canselor UNISEL
	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen oleh Canselor
	Ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah UNISEL
	Penganugerahan Ijazah Kedoktoran, Ijazah Sarjana dan Sarjana Muda
	Anugerah-Anugerah Akademik
	Ucapan Penerima Anugerah Canselor
	Ucapan Canselor
	Pengisytiharan Keahlian Alumni
	Lagu UNISEL
	Penangguhan Istiadat Konvokesyen
12.00 PM	Perarakan Canselor Keluar Dewan
	Perarakan Besar Keluar Dewan
	Perarakan Akademik Keluar Dewan
	Perarakan Graduan Keluar Dewan

Gunakan #UNISELconvo20 untuk tag siaran dan foto di media sosial.
Use #UNISELconvo20 to tag social media posts and photos.

SIDANG KEDUA: SABTU (PETANG), 26 SEPTEMBER 2026
SECOND SESSION: SATURDAY (AFTERNOON), 26th SEPTEMBER 2026

MASA/*TIME*	**ATUR CARA**/*PROGRAMMES*
2.00 PM	Jemputan Mengambil Tempat
2.15 PM	Ketibaan Pro-Canselor: Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Ibrahim
2.30 PM	Perarakan Graduan Masuk Dewan
2.50 PM	Perarakan Akademik Masuk Dewan
2.55 PM	Perarakan Besar Masuk Dewan
3.00 PM	Perarakan Pro-Canselor Masuk Dewan Lagu Negeri Selangor Lagu Negaraku Bacaan Doa Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen oleh Pro-Canselor Ucapan Pro-Canselor Penganugerahan Sarjana Muda dan Diploma Pengisytiharan Keahlian Alumni Lagu UNISEL Penangguhan Istiadat Konvokesyen
5.00 PM	Perarakan Pro-Canselor Keluar Dewan Perarakan Besar Keluar Dewan Perarakan Akademik Keluar Dewan Perarakan Graduan Keluar Dewan

Gunakan #UNISELconvo20 untuk tag siaran dan foto di media sosial.
Use #UNISELconvo20 to tag social media posts and photos.

SIDANG KETIGA: AHAD (PAGI), 27 SEPTEMBER 2026
THIRD SESSION: SUNDAY (MORNING), 27th SEPTEMBER 2026

MASA/*TIME*	**ATUR CARA**/*PROGRAMMES*
7.45 AM	Jemputan Mengambil Tempat
8.00 AM	Ketibaan Pro-Canselor:
	Y.A.D. Engku Sri Paduka Diraja, Raja Dato' Reza Al-Haj bin Raja Dato' Zaib Shah Al-Haj
8.30 AM	Perarakan Graduan Masuk Dewan
8.50 AM	Perarakan Akademik Masuk Dewan
9.00 AM	Perarakan Besar Masuk Dewan
9.10 AM	Perarakan Pro-Canselor Masuk Dewan
	Lagu Negeri Selangor
	Lagu Negaraku
	Bacaan Doa
	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen oleh Pro-Canselor
	Ucapan Pro-Canselor
	Penganugerahan Sarjana Muda dan Diploma
	Pengisytiharan Keahlian Alumni
	Lagu UNISEL
	Penangguhan Istiadat Konvokesyen
12.00 PM	Perarakan Pro-Canselor Keluar Dewan
	Perarakan Besar Keluar Dewan
	Perarakan Akademik Keluar Dewan
	Perarakan Graduan Keluar Dewan

Gunakan #UNISELconvo20 untuk tag siaran dan foto di media sosial.
Use #UNISELconvo20 to tag social media posts and photos.

35

SIDANG KEEMPAT: AHAD (PETANG), 27 SEPTEMBER 2026
FOURTH SESSION: SUNDAY (AFTERNOON), 27th SEPTEMBER 2026

MASA/*TIME*	**ATUR CARA**/*PROGRAMMES*
2.00 PM	Jemputan Mengambil Tempat
2.15 PM	Ketibaan Naib Canselor:
	YBhg Prof. Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan bin Basri
2.30 PM	Perarakan Graduan Masuk Dewan
2.50 PM	Perarakan Akademik Masuk Dewan
2.55 PM	Perarakan Besar Masuk Dewan
3.00 PM	Perarakan Naib Canselor Masuk Dewan
	Lagu Negeri Selangor
	Lagu Negaraku
	Bacaan Doa
	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	oleh Naib Canselor
	Ucapan Naib Canselor
	Penganugerahan Sarjana Muda dan Diploma
	Pengisytiharan Keahlian Alumni
	Lagu UNISEL
	Penangguhan Istiadat Konvokesyen
5.00 PM	Perarakan Naib Canselor Keluar Dewan
	Perarakan Besar Keluar Dewan
	Perarakan Akademik Keluar Dewan
	Perarakan Graduan Keluar Dewan

Gunakan #UNISELconvo20 untuk tag siaran dan foto di media sosial.
Use #UNISELconvo20 to tag social media posts and photos.

SIDANG KELIMA: ISNIN (PAGI), 28 SEPTEMBER 2026
FIFTH SESSION: MONDAY (MORNING), 28th SEPTEMBER 2026

MASA/*TIME*	**ATUR CARA**/*PROGRAMMES*
7.45 AM	Jemputan Mengambil Tempat
8.00 AM	Ketibaan Naib Canselor:
	YBhg Prof. Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan bin Basri
8.30 AM	Perarakan Graduan Masuk Dewan
8.50 AM	Perarakan Akademik Masuk Dewan
9.00 AM	Perarakan Besar Masuk Dewan
9.10 AM	Perarakan Naib Canselor Masuk Dewan
	Lagu Negeri Selangor
	Lagu Negaraku
	Bacaan Doa
	Pengisytiharan Pembukaan Istiadat Konvokesyen
	oleh Naib Canselor
	Ucapan Naib Canselor
	Penganugerahan Diploma
	Pengisytiharan Keahlian Alumni
	Lagu UNISEL
	Penangguhan Istiadat Konvokesyen
12.00 PM	Perarakan Naib Canselor Keluar Dewan
	Perarakan Besar Keluar Dewan
	Perarakan Akademik Keluar Dewan
	Perarakan Graduan Keluar Dewan

Gunakan #UNISELconvo20 untuk tag siaran dan foto di media sosial.
Use #UNISELconvo20 to tag social media posts and photos.

ISTIADAT KONVOKESYEN Ke-20

DEWAN CANSELOR
KAMPUS BESTARI JAYA
26 – 28 SEPTEMBER 2026



ISTIADAT

KONVOKESYEN Ke-20

DEWAN CANSELOR
KAMPUS BESTARI JAYA
26 – 28 SEPTEMBER 2026

unisel | Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor



MAHASISWA BUDIMAN, GRADUAN IDAMAN

Memugar Akal Budi, Membentuk Sahsiah Holistik & Mengakar Masyarakat Demi Masa Depan Malaysia

Oleh:
Dr. Ng Ming Yip
Dekan Fakulti Pembangunan
Mahasiswa Budiman (FPMB)

Majlis Konvokesyen bukan sekadar sebuah perayaan simbolik kejayaan meraih segulung ijazah atau tamatnya perjalanan akademik di menara gading, malahan ia merupakan titik permulaan penterjemahan watak, kualiti minda, dan nilai budi dalam realiti kehidupan bermasyarakat yang serba kompleks. Di Universiti Selangor (UNISEL), kejayaan pencapaian akademik semata-mata tidak pernah dijadikan pengukur tunggal kualiti seseorang graduan. Berpaksikan gagasan "Memberdaya Mahasiswa Budiman", universiti ini sentiasa komited dalam mencorak dan melahirkan modal insan yang seimbang iaitu mahasiswa yang berilmu pengetahuan tinggi, berakhlak mulia, berintegriti, serta mengakar kuat dalam denyut nadi masyarakat.

Dalam melangkah ke alam kerjaya dan kepimpinan, graduan bukan sahaja dituntut untuk menguasai kemahiran teknikal, tetapi juga keupayaan memimpin diri dan masyarakat dengan nilai kearifan tempatan serta berpandangan sejagat. Oleh yang demikian, peranan UNISEL sebagai institusi milik penuh Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk menyemaikan roh pendidikan yang berjiwa dan berorientasikan kebaikan masyarakat. Melalui persekitaran pembelajaran yang holistik ini, setiap mahasiswa dibimbing agar menjadi insan yang peka, prihatin, dan berani tampil memberi solusi kepada pelbagai permasalahan sosial di peringkat lokal mahupun antarabangsa.

“Justeru, UNISEL perlu terus diperkasa dan dijadikan kunci kepada kejayaan masa depan negeri melalui pembinaan sumber manusia yang berkualiti, berilmu dan berintegriti.”

— Dato’ Seri Amirudin Shari, Majlis Iftar Perdana Warga UNISEL, Kampus Bestari Jaya, 22 Februari 2026. Sumber: Media Selangor, “UNISEL pemacu pembangunan negeri, lahir sumber manusia berkualiti, berintegriti”, 22 Februari 2026.

FALSAFAH & RELEVANSI GAGASAN MAHASISWA BUDIMAN

Dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 dan perkembangan kecerdasan buatan (AI) yang kian pesat, dunia menyaksikan kemajuan teknologi yang sangat pantas dan tidak menentu. Namun, sebagaimana yang diperingatkan secara mendalam dalam Dasar Pembangunan Pelajar UNISEL, cabaran terbesar akibat daripada perkembangan pesat ini adalah risiko kehakisan nilai kemanusiaan, hilangnya empati, dan kekosongan keinsanan dalam kalangan generasi muda. Berdasarkan pemikiran tokoh pemikir peradaban negara, Almarhum Ustaz Siddiq Fadzil, pembentukan karakter budiman bukan sekadar tentang moraliti individu secara terpencil, tetapi merupakan sebuah projek peradaban yang berpanjangan. Ia merupakan acuan jati diri manusia Malaysia yang ideal untuk membangunkan negara menerusi tiga paksi utama: Rabbani yang berpaksi ketuhanan dan keimanan, Melayu yang teguh dengan jati diri budaya tempatan, serta Kemanusiaan yang bersifat sejagat dalam memberi khidmat dan manfaat kepada sekeluarga manusia.

Pemikiran yang mendalam ini turut diselari oleh pandangan tokoh persuratan dan pemikiran bangsa, Pendita Za’ba seawal tahun 1920-an yang mengkritik fenomena “miskin perangai” dalam masyarakat. Pendita Za’ba menegaskan bahawa pelajaran yang mencukupi tidak boleh tertumpu kepada pelajaran otak dan kemahiran teknikal semata-mata, sebaliknya mestilah melayakkan seseorang untuk menjadi manusia yang beradab, berakhlak, serta berguna kepada persekitarannya. Sehaluan dengan cetusan falsafah tersebut, universiti tidak boleh berfungsi sekadar sebagai pusat latihan kemahiran semata-mata yang hanya melatih kemahiran mekanikal tanpa roh keinsanan. Sebaliknya, universiti wajib menjadi kawah peleburan yang membina insan berjiwa besar, mempunyai adab tinggi, serta peka terhadap dinamika persekitaran sosial.

Perspektif ini menuntut pengurusan universiti dan para pendidik untuk merencana kurikulum serta aktiviti luar bilik darjah secara bersepadu. Pendekatan ini memastikan bahawa setiap graduan yang dilahirkan bukan sahaja berdaya saing di pasaran kerja yang mencabar, tetapi juga memiliki pasak keagamaan dan moral yang teguh agar tidak

mudah hanyut oleh gelombang modenisasi yang merosakkan. Melalui pendedahan secara tekal kepada isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan, mahasiswa dididik untuk berfikir secara kritis tentang peranan mereka sebagai ejen perubahan yang membawa rahmah dan kesejahteraan kepada seluruh alam.

"The aim of education in Islam is therefore to produce a good man."

— Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam and Secularism, 2nd ed.

(Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), p. 150.

"Universiti bukan sekadar melahirkan graduan, tetapi insan budiman. Akal memberi arah, budi memberi jiwa, bersama membentuk Mahasiswa BUDIMAN."

— Gagasan Pembangunan Pelajar UNISEL

MENYEPADUKAN AKAL DAN BUDI: TERAS SAHSIAH HOLISTIK

Sinergi yang seimbang antara akal dan budi menjadi teras kekuatan utama bagi setiap mahasiswa UNISEL. Akal merujuk kepada keupayaan berfikir secara rasional, menakul, menganalisis, dan membezakan antara perkara yang benar dengan yang batil, manakala Budi pula bersumberkan keikhlasan hati, rasa kemanusiaan, akhlak mulia, dan dorongan spiritual untuk berbakti. Apabila akal yang tajam dan bijaksana disulami secara harmoni dengan budi yang luhur, lahirlah graduan yang berilmu, beradab, berhikmah, serta mempunyai jati diri yang kukuh dalam mendepani pelbagai arus cabaran kehidupan dan kerjaya.

Gabungan mantap antara akal dan budi ini diterjemahkan secara khusus menerusi gugusan budi yang merangkumi empat sudut utama yang saling melengkapi. Pertama, Budi Bicara melambangkan pemikiran yang bijaksana, santun, bernas, dan sentiasa mendahulukan hikmah berdasarkan keilmuan yang sah dan tulen. Kedua, Budi Bahasa mencerminkan keupayaan berkomunikasi secara hormat, ramah, bersopan-santun, dan beradab dalam pelbagai medium sama ada secara bersemuka mahupun dalam alam maya. Ketiga, Budi Pekerti pula menjadi cerminan adab, akhlak, kejujuran, dan tingkah laku bersusila yang menyuburkan nilai-nilai keinsanan dalam setiap tindakan. Akhir sekali, Budi Daya membentuk ketahanan diri, kreativiti, dan daya usaha yang tahan uji, sekali gus menjadi paksi ketrampilan utama bagi seorang graduan cemerlang.

Penekanan kepada gugusan budi ini membuktikan bahawa UNISEL amat mengambil berat tentang aspek sahsiah diri mahasiswa secara menyeluruh. Kecemerlangan akademik tanpa budi pekerti yang luhur hanya akan melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri dan tidak berupaya menyumbang secara positif kepada masyarakat. Sebaliknya, apabila budi bahasa, budi bicara, budi pekerti, dan budi daya disatukan dalam watak graduan, mereka akan dipandang tinggi dan dihormati bukan sahaja kerana kebijaksanaan intelektual mereka, tetapi juga kerana ketinggian adab dan akhlak yang ditunjukkan dalam pelbagai situasi.

"Intelligence plus character—that is the goal of true education."

— Martin Luther King Jr., "The Purpose of Education,"
The Maroon Tiger, Morehouse College, 1947.

TERAS WATAK MAHASISWA BUDIMAN

Pembentukan keperibadian Mahasiswa Budiman diperkemaskan dan disistematiskan lagi menerusi penjelmaan tujuh teras utama yang membentuk akronim Budiman. Teras pertama ialah Berilmu, iaitu keupayaan menjadikan ilmu yang sahih, berautoriti, dan bermanfaat sebagai benteng utama serta paksi dalam membuat setiap tindakan, keputusan, dan pendirian hidup. Teras kedua ialah Unik, di mana para pelajar digalakkan untuk memiliki keistimewaan pemikiran, bakat khusus, dan keperibadian unggul yang berupaya menjadi model ikutan positif serta memberi impak berkesan kepada masyarakat sekeliling.

Teras seterusnya merangkumi Dinamik, Ikhlas/Integriti, Matang, Aktif, dan Nasihat. Dinamik melahirkan mahasiswa yang bertenaga, berani berinovasi, fleksibel, dan mempunyai daya kepimpinan yang utuh dalam mendepani perubahan zaman. Ikhlas dan Integriti membina sifat amanah, akauntabiliti, serta kejujuran tinggi yang tidak boleh dikompromi sama sekali dalam apa jua keadaan. Matang membentuk pemikiran terkehadapan, berwaspada, serta bersikap inklusif yang mampu menyatupadukan masyarakat dan tenang menghadapi pelbagai krisis. Aktif memastikan mahasiswa tidak sekadar menjadi ilmuwan teori di menara gading, sebaliknya bertindak sebagai aktivis masyarakat yang cergas bergerak di lapangan. Akhir sekali, teras Nasihat memupuk sikap saling mengingati, prihatin, dan menegakkan prinsip amar makruf nahi mungkar dengan penuh hikmah, kesantunan, dan kasih sayang.

Tujuh teras ini bukan sekadar garis panduan teori yang termaktub dalam dokumen universiti, tetapi dijadikan sebagai kompas kehidupan seharian para pelajar di dalam dan di luar kampus. Melalui penerapan teras Budiman secara konsisten, pelajar dilatih untuk menilai


ISTIADAT
unisel
KONVOKESYEN
Ke-
20
DEWAN CANSELOR
KAMPUS BESTARI JAYA
26 – 28 SEPTEMBER 2026
unisel


ISTIADAT unisel
KONVOKESYEN
Ke-20
DEWAN CANSELOR
KAMPUS BESTARI JAYA
26 – 28 SEPTEMBER 2026
unisel
unisel

setiap tindakan mereka berdasarkan impak sosial dan nilai moral yang dibawa. Hal ini secara langsung membina watak kepimpinan yang berwibawa, berprinsip, dan berupaya membawa perubahan berasaskan nilai kewarganegaraan yang bertanggungjawab.

MAHASISWA BUDIMAN: MENTERJEMAH MAKNA PENDIDIKAN SEBENAR

Apakah sebenarnya makna sebuah pendidikan tinggi? Adakah kejayaan seorang mahasiswa hanya diukur melalui keputusan akademik dan sekeping ijazah? Atau adakah pendidikan di universiti mempunyai tujuan yang jauh lebih besar, iaitu membentuk manusia yang berilmu, berakhlak, matang, berkemahiran, berintegriti dan mampu memberikan manfaat kepada masyarakat? Persoalan ini amat dekat dengan gagasan Mahasiswa Budiman di UNISEL. Gagasan Mahasiswa Budiman bukan sekadar satu slogan atau penjenamaan mahasiswa, tetapi merupakan suatu usaha untuk membentuk graduan yang mempunyai keunggulan watak, berilmu dan berakhlak, bijaksana dan prihatin serta mempunyai keseimbangan antara kecemerlangan akademik dengan pembentukan sahsiah.

“Yang ingin kita didik dan latih itu manusia. Dengan segala aspek nilai, akhlak dan budaya, berakar ke bumi Malaysia tercinta.”

— YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Majlis Peluncuran Rancangan Pendidikan Negara 2026–2035, 20 Januari 2026. Sumber: Pejabat Perdana Menteri Malaysia.

Sesungguhnya, inilah yang membezakan pendidikan dengan sekadar memperoleh kelayakan. Pendidikan seharusnya mengubah cara seseorang melihat dunia, cara seseorang berfikir, cara seseorang berinteraksi dengan manusia lain dan cara seseorang membuat keputusan. Universiti bukan sekadar tempat untuk memperoleh ilmu dalam bidang tertentu, tetapi merupakan ruang untuk membina karakter, memperluas pemikiran, menguji kemampuan diri dan mempersiapkan seseorang untuk menghadapi kehidupan sebenar. Sebab itu, seorang graduan yang benar-benar berjaya bukan hanya graduan yang mampu menjawab soalan peperiksaan dengan baik, tetapi graduan yang mampu menggunakan ilmu yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah, beradaptasi dengan perubahan, bekerja bersama orang lain dan membuat keputusan yang betul apabila berhadapan dengan cabaran.

“We may become powerful by knowledge, but we attain fullness by sympathy.”

— Rabindranath Tagore, “My School,” Personality (London: Macmillan, 1917), pp. 116–117.

Dalam konteks inilah konsep budiman menjadi begitu bermakna. Budi bukan sekadar sopan santun atau tutur kata yang baik. Budi mempunyai makna yang lebih luas, merangkumi kebijaksanaan, akhlak, adab, keprihatinan, pertimbangan dan nilai kemanusiaan. Dasar Mahasiswa Budiman UNISEL menjelaskan konsep ini melalui Budi Bicara, Budi Bahasa, Budi Pekerti dan Budi Daya. Budi Bicara merujuk kepada pemikiran yang bijaksana, santun, bernas dan berwibawa dalam membuat pertimbangan berdasarkan ilmu yang benar. Budi Bahasa pula berkaitan dengan kemampuan berkomunikasi secara hormat, ramah dan santun. Budi Pekerti merujuk kepada adab, sikap dan tingkah laku yang bersusila, manakala Budi Daya berkait rapat dengan ketahanan diri dalam menghadapi cabaran.

Jika direnungkan, keempat-empat unsur ini sangat relevan dengan kehidupan seorang graduan pada hari ini. Dunia pekerjaan bukan sekadar memerlukan individu yang mempunyai pengetahuan teknikal, tetapi memerlukan manusia yang tahu bagaimana menggunakan pengetahuan tersebut dengan betul. Seorang pekerja mungkin mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, tetapi sekiranya tidak mampu berkomunikasi dengan baik, sukar menerima pandangan orang lain, tidak mempunyai integriti atau mudah berputus asa apabila berhadapan masalah, maka kelebihan akademiknya mungkin tidak dapat diterjemahkan kepada prestasi yang sebenar. Sebaliknya, graduan yang mempunyai ilmu, kemahiran dan nilai yang kukuh akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pekerjaan dan membina kerjaya dalam jangka panjang.

Oleh itu, graduan yang idaman industri ialah graduan yang mempunyai keinginan untuk terus belajar. Mereka tidak takut terhadap perubahan, sebaliknya melihat perubahan sebagai peluang untuk berkembang. Mereka tidak malu mengakui bahawa ada perkara yang belum diketahui, tetapi bersedia untuk mencari jawapan. Mereka tidak menganggap pengalaman universiti sebagai kemuncak ilmu, tetapi sebagai asas untuk terus meneroka ilmu baharu.

Dalam konteks ini, kecerdasan buatan dan transformasi digital merupakan antara perubahan besar yang sedang membentuk masa depan pekerjaan. Graduan masa kini perlu memahami teknologi dan memanfaatkannya secara bijaksana. Namun, penguasaan teknologi sahaja tidak memadai. Teknologi mungkin mampu membantu manusia menghasilkan kerja dengan lebih cepat, tetapi manusia tetap memerlukan pertimbangan moral, kreativiti, empati dan kebijaksanaan dalam menentukan bagaimana teknologi digunakan. Di sinilah nilai Budi menjadi semakin penting. Semakin canggih teknologi, semakin besar keperluan terhadap manusia yang mempunyai nilai kemanusiaan.

FAKULTI PEMBANGUNAN MAHASISWA BUDIMAN MEMBENTUK KARAKTER BUDIMAN

Dalam mendepani era modenisasi dan kepantasan teknologi yang serba dinamik, peranan institusi pengajian tinggi tidak lagi terhad kepada pemindahan ilmu akademik semata-mata. Menyedari hakikat ini, UNISEL menerusi Fakulti Pembangunan Mahasiswa Budiman (FPMB) memikul tanggungjawab membina watak, sahsiah, dan integriti para pelajar agar bersedia

menjadi pemangkin kemajuan masyarakat. Berteraskan hasrat melahirkan graduan holistik yang berilmu, beradab, berfikiran global, serta memberi sumbangan bermakna kepada negara, pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran terkehadapan telah disusun secara komprehensif.

Strategi utama pembangunan karakter mahasiswa di UNISEL berpaksikan kepada struktur Mata Pelajaran Pengajian Umum yang dirangka mengikut empat teras utama. Melalui teras pertama, penekanan diberikan terhadap penghayatan falsafah, nilai murni, dan jati diri. Pembelajaran sejarah, tamadun, dan identiti negara digarap bagi membentuk sahsiah yang kukuh, membangkitkan semangat patriotisme, serta memupuk integriti diri dalam kalangan pelajar. Menerusi teras kedua, penguasaan kemahiran insaniah diberi keutamaan tinggi untuk mengasah komunikasi yang berkesan, kepimpinan, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, serta pemikiran kritis dan kreatif yang beretika.

Seterusnya, teras ketiga berfokus kepada perluasan horizon ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin. Mahasiswa didedahkan kepada isu-isu semasa, perkembangan sains, teknologi, dan konsep kelestarian agar berupaya membina pemikiran yang terbuka dan inovatif. Bagi melengkapkan sahsiah ini, teras keempat melatih mahasiswa dari sudut kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal menerusi program kesukarelawanan, khidmat komuniti, dan penglibatan aktif dalam aktiviti kampus.

Bagi mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0, fakulti menyepadukan elemen teknologi canggih menerusi penawaran kursus wajib universiti berkaitan AI. Semua mahasiswa didedahkan kepada asas AI, etika digital, literasi data, serta aplikasi praktikalnya dalam persekitaran sosial dan industri. Sebagai pengiktirafan rasmi terhadap kompetensi digital tersebut, mahasiswa dianugerahkan pengiktirafan lencana digital (AI Badge) sebagai bukti kesediaan mereka mendepani cabaran kerjaya berteraskan teknologi. Di samping itu, pembangunan kursus Micro-Credential turut memberikan peluang pembelajaran yang fleksibel dan teriktiraf untuk meningkatkan kemahiran secara berterusan.

Bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dan mampu menyerlah di peringkat antarabangsa, penguasaan bahasa moden turut diberikan penekanan sebagai salah satu elemen penting dalam pembentukan mahasiswa yang holistik di FPMB. Penguasaan Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab bukan sahaja memperkukuh keupayaan graduan untuk berkomunikasi secara berkesan dalam persekitaran global, malah memperluas wawasan, meningkatkan kefahaman terhadap kepelbagaian budaya dan membina keupayaan untuk berinteraksi secara lebih terbuka serta inklusif. Pada masa yang sama, penguasaan pelbagai bahasa turut menjadi pemangkin kepada pembentukan sahsiah kepimpinan yang berintegriti, menghormati perbezaan dan mampu beradaptasi dalam masyarakat yang semakin kompleks dan berbilang budaya.

Keunikan pendekatan UNISEL terletak pada integrasi rapat antara akademik dengan kelab, persatuan, dan aktiviti kokurikulum. Menerusi kaedah penilaian berasaskan projek, mahasiswa bekerjasama merancang dan melaksanakan inisiatif berimpak sosial atau inovasi komuniti yang menilai pengetahuan, kemahiran, dan nilai kehidupan sebenar secara praktikal. Hasil daripada pendekatan yang menyeluruh ini, UNISEL menerusi usaha yang dilakukan di FPMB mampu

melahirkan graduan yang cemerlang dari segi keilmuan akademik, mempunyai keutuhan adab dan moral, menjunjung integriti dan kejujuran, berfikiran terbuka di peringkat global, serta berjiwa pemimpin yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, FPMB UNISEL menterjemahkan matlamat pendidikan tinggi menerusi gabungan berimbang antara keilmuan, teknologi, kemahiran insaniah, dan nilai kemanusiaan. Berteraskan pegangan bahawa ilmu membina diri, adab menyempurnakan insan, dan budiman membangun negara, institusi ini terus teguh melahirkan modal insan berwibawa yang siap sedia membangunkan peradaban bangsa dan negara pada masa hadapan.

DARIPADA MAHASISWA BUDIMAN KEPADA GRADUAN IDAMAN

Graduan Idaman UNISEL ialah manifestasi akhir gagasan Mahasiswa Budiman: graduan yang bukan sahaja kompeten dalam bidangnya, tetapi juga beradab, berintegriti, celik teknologi dan AI, mampu berkomunikasi merentas budaya, tahan uji serta mempunyai kepekaan sosial. Dengan kata lain, kebolehpasaran graduan perlu bergerak seiring dengan kebolehpercayaan, kebijaksanaan dan keupayaan memberi manfaat. Inilah nilai tambah yang membezakan seorang pemegang ijazah dengan seorang insan terdidik.

PENUTUP

Mahasiswa Budiman perlu membawa nilai ini ke mana sahaja mereka pergi. Sekiranya menjadi pekerja, jadilah pekerja yang boleh dipercayai. Sekiranya menjadi ketua, jadilah ketua yang adil. Sekiranya menjadi usahawan, jadilah usahawan yang beretika. Sekiranya menjadi seorang profesional, jagalah maruah profesion. Sekiranya menjadi pemimpin masyarakat, jadilah pemimpin yang memahami denyut nadi rakyat.

Ijazah adalah bukti bahawa seseorang telah melalui proses pendidikan dan berjaya memenuhi tuntutan akademik. Tetapi ijazah bukan jaminan kejayaan seumur hidup. Ia bukan tiket automatik untuk mendapat pekerjaan yang baik. Ia bukan jaminan seseorang akan menjadi pemimpin yang hebat.

Ijazah adalah **permulaan.**

Selepas menerima ijazah, graduan perlu membuktikan apa yang telah dipelajari. Mereka perlu membuktikan bahawa ilmu boleh diterjemahkan menjadi kemahiran, kemahiran boleh diterjemahkan menjadi prestasi, prestasi boleh diterjemahkan menjadi sumbangan dan sumbangan akhirnya boleh diterjemahkan menjadi manfaat kepada masyarakat.

Kepada seluruh graduan UNISEL, hari ini anda mungkin melangkah keluar dari kampus sebagai seorang graduan. Namun, jangan pernah meninggalkan semangat seorang Mahasiswa Budiman.

Sesungguhnya, dunia tidak hanya memerlukan graduan yang bijak. Dunia memerlukan graduan yang **bijaksana.** Dunia tidak hanya memerlukan pekerja yang berkemahiran. Dunia memerlukan manusia yang **berintegriti.** Dunia tidak hanya memerlukan pemimpin yang mempunyai kuasa. Dunia memerlukan pemimpin yang **mempunyai budi.**

Inilah semangat yang ingin dibawa melalui gagasan Mahasiswa Budiman.

Kerana matlamat pendidikan bukan hanya untuk melahirkan manusia yang tahu banyak perkara, tetapi manusia yang tahu bagaimana menggunakan pengetahuannya dengan penuh tanggungjawab.

Maka, pada hari yang penuh bermakna ini, raikanlah kejayaan anda dengan penuh kesyukuran. Hargailah ibu bapa yang sentiasa memberikan sokongan, para pensyarah yang mencurahkan ilmu, rakan-rakan yang menemani perjalanan dan seluruh warga universiti yang menjadi sebahagian daripada proses pembentukan diri anda.

Selepas ini, jalan anda mungkin berbeza-beza. Ada yang akan memasuki dunia pekerjaan, ada yang menjadi usahawan, ada yang menyambung pengajian dan ada yang memilih jalan kehidupan yang lain. Namun, walau apa pun bidang yang diceburi, bawalah satu identiti yang sama.

Anda ialah graduan UNISEL.
Dan lebih daripada itu,
anda ialah Mahasiswa Budiman.

Semoga ilmu yang diperoleh menjadi cahaya dalam perjalanan. Semoga kemahiran yang dibina menjadi kekuatan dalam kerjaya. Semoga pengalaman yang dilalui menjadi kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Semoga nilai budi menjadi pedoman sepanjang kehidupan.

Kerana pada akhirnya, kejayaan seorang graduan bukan hanya apabila namanya tertulis pada sekeping ijazah.

Kejayaan sebenar ialah apabila ilmu yang dimilikinya memberi manfaat, apabila pekerjaannya memberi nilai, apabila kepimpinannya memberi inspirasi dan apabila kehadirannya menjadikan kehidupan orang lain sedikit lebih baik.

Tahniah kepada seluruh graduan UNISEL.

Terus melangkah. Terus belajar. Terus berbakti. Terus memimpin.

Dan teruslah menjadi Mahasiswa Budiman, Graduan Idaman.



ANUGERAH AKADEMIK

ACADEMIC AWARDS



ANUGERAH CANSELOR 2026

CHANCELLOR AWARD 2026

ANUGERAH PENGERUSI 2026

CHAIRMAN AWARD 2026

ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN (DOKTOR FALSAFAH) 2026

EDUCATION EXCO AWARD (DOCTOR OF PHILOSOPHY) 2026

ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN (SARJANA) 2026

EDUCATION EXCO AWARD (MASTER'S DEGREE) 2026

ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN (IJAZAH SARJANA MUDA) 2026

EDUCATION EXCO AWARD (BACHELOR'S DEGREE) 2026

ANUGERAH NAIB CANSELOR 2026

VICE CHANCELLOR AWARD 2026

ANUGERAH SAINS KESIHATAN SELFA 2026

SELFA HEALTH SCIENCES AWARD 2026

ANUGERAH PRESIDEN BEM 2026

BEM PRESIDENT'S AWARD 2026

ANUGERAH KHAS UNISEL (DOKTOR FALSAFAH) 2026

UNISEL SPECIAL AWARD (DOCTOR OF PHILOSOPHY) 2026

ANUGERAH KHAS UNISEL (SARJANA) 2026

UNISEL SPECIAL AWARD (MASTER'S DEGREE) 2026

ANUGERAH CANSELOR 2026

CHANCELLOR AWARD 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: YAB Dato' Menteri Besar Selangor

KHAIRISA BALQIS BAHARIN BINTI KAMSUN BAHARIN

Ijazah Sarjana Muda Psikologi Industri (Kepujian)
Bachelor of Industrial Psychology (Hons)
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FESS)
Faculty of Education and Social Sciences (FESS)



Khairisa Balqis Baharin binti Kamsun Baharin berasal dari Serendah, Selangor, dan dilahirkan pada 24 Disember 2004. Beliau merupakan anak ketiga daripada enam orang adik-beradik. Dibesarkan dalam keluarga yang sederhana, beliau menjadikan nilai kekeluargaan, ketekunan dan usaha sebagai asas dalam pembentukan peribadi serta pencapaian kejayaannya.

Beliau mendapat pendidikan awal di SJK (C) Choong Chee sebelum meneruskan persekolahan di SMK Syed Mashor. Mengikuti jejak abangnya, beliau memilih Universiti Selangor (UNISEL) untuk melanjutkan pengajian. Pada tahun 2022, beliau mengikuti program Asasi Sastera dan berjaya memperoleh PNGK 3.69. Pendedahan kepada subjek *Introduction to Psychology* telah mencetuskan minat yang mendalam terhadap bidang psikologi, sekali gus mendorong beliau mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Psikologi Industri (Kepujian).

Sepanjang pengajian, beliau aktif dalam bidang akademik, kepimpinan dan kokurikulum. Pada tahun 2023, beliau diberi kepercayaan untuk berkhidmat sebagai Penolong Biro Akademik dalam *Psychology Student Association* (PSA). Beliau kemudiannya dilantik sebagai Presiden Persatuan Askar Wataniah (PASKAW) bagi sesi 2024–2025. Beliau turut menyertai Kursus Asas Perajurit Muda (APMS), yang memperkukuh disiplin, ketahanan fizikal dan mental serta semangatnya untuk berkhidmat kepada negara sebagai anggota pasukan simpanan tentera.

Minat beliau terhadap psikologi turut diterjemahkan melalui penglibatan dalam pertandingan inovasi, khususnya dalam penghasilan produk berkaitan kaunseling dan psikologi. Beliau menyertai *Innovation in Psychology Exhibition* (IPEX) 2025 dan memperoleh Anugerah Gangsa. Seterusnya, beliau memperoleh Anugerah Perak dalam CIPTA 2025 *Research & Innovation Showcase*. Beliau juga berpeluang menyertai *New Academia Learning Innovation (NALI)* 2025 sebagai ahli kumpulan bagi produk yang dibangunkan oleh seorang pensyarah dan berjaya memperoleh Pingat Emas. Beliau kemudiannya membawa produk ciptaannya ke peringkat antarabangsa menerusi *Malaysia Grand Invention Expo* (MAGIEX) 2025 dan berjaya meraih *Top 5 Award, Gold Medal serta Grand Diamond Award*.

Keupayaannya untuk mengimbangi pencapaian akademik, kepimpinan, khidmat kepada negara dan inovasi mencerminkan kesungguhan serta kematangannya sebagai seorang pelajar yang bersedia menghadapi cabaran. Beliau berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi memperluas pengetahuan dan pengalaman, mendalami pemahaman tentang psikologi daripada pelbagai perspektif budaya serta terus memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan bidang psikologi.

Khairisa Balqis Baharin binti Kamsun Baharin is from Serendah, Selangor, and was born on 24 December 2004. She is the third of six siblings. Raised in a modest family, she regards family values, perseverance and hard work as the foundations of her character and achievements.

She received her early education at SJK (C) Choong Chee before continuing her secondary education at SMK Syed Mashor. Following in her brother's footsteps, she chose Universiti Selangor (UNISEL) to pursue her studies. In 2022, she enrolled in the Foundation in Arts programme and achieved a CGPA of 3.69. Her exposure to the subject Introduction to Psychology sparked a deep interest in psychology, motivating her to pursue a Bachelor of Industrial Psychology (Honours).

Throughout her studies, she has been actively involved in academic, leadership and co-curricular activities. In 2023, she was entrusted with the role of Academic Bureau Assistant in the Psychology Student Association (PSA). She was subsequently appointed President of the Persatuan Askar Wataniah (PASKAW) for the 2024–2025 term. She also participated in the Kursus Asas Perajurit Muda (APMS), which strengthened her discipline, physical and mental resilience, and commitment to serving the country as a member of the military reserve force.

Her interest in psychology is also reflected in her participation in innovation competitions, particularly through the development of products related to counselling and psychology. She participated in the Innovation in Psychology Exhibition (IPEX) 2025 and received a Bronze Award. She subsequently received a Silver Award at the CIPTA 2025 Research & Innovation Showcase. She also had the opportunity to participate in New Academia Learning Innovation (NALI) 2025 as a member of the team behind a product developed by a lecturer, earning a Gold Medal. She later presented her own invention internationally at the Malaysia Grand Invention Expo (MAGIEX) 2025, where she received the Top 5 Award, Gold Medal and Grand Diamond Award.

Her ability to balance academic achievement, leadership, service to the nation and innovation reflects her dedication and maturity as a student who is prepared to face challenges. She aspires to pursue higher education to broaden her knowledge and experience, deepen her understanding of psychology from diverse cultural perspectives, and continue making meaningful contributions to society and the field of psychology.

ANUGERAH PENGERUSI 2026

CHAIRMAN AWARD 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: Top Glove Corporation Berhad

NURUL SYAHIRA BINTI SHABUDIN

Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)
Bachelor of Biomedical Science (Honours)
Fakulti Sains Kesihatan (FSK)
Faculty of Health Sciences (FSK)



Dilahirkan pada 7 September 1992 di Hospital Besar Alor Setar, Kedah, Nurul Syahira Shabudin ialah anak sulung daripada tiga beradik. Beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Alor Mengkudu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah dan Sekolah Menengah Sains Pokok Sena. Pada 2010, beliau mengikuti Diploma Sains di Universiti Teknologi MARA. Minat mendalam terhadap sains makmal perubatan mendorong beliau mengikuti diploma kedua dalam bidang Teknologi Makmal Perubatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau memperolehi CGPA 3.98 dan Anugerah Dekan pada setiap semester.

Pada tahun 2019, beliau memulakan kerjaya sebagai Juruteknologi Makmal Perubatan di Pusat Penyelidikan Perubatan Herba, Institut Penyelidikan Perubatan di Institut Kesihatan Negara. Tanggungjawabnya merangkumi penyelidikan praklinikal, pembiakan tikus AG129 bagi kajian denggi, ujian sitotoksikologi *in vitro dan in vivo,* serta penilaian potensi terapeutik perubatan herba. Teladan ibunya, seorang guru yang melanjutkan pengajian sambil mengurus kerjaya dan keluarga, mendorongnya untuk kembali belajar. Pada 2022, beliau mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian) di UNISEL sambil berkhidmat.

Walaupun belajar sambil berkerjaya, beliau tersenarai dalam Senarai Dekan sepanjang pengajian. Pada semester akhir, iaitu Ogos 2025, beliau memperolehi CGPA 3.85 dan Kepujian Kelas Pertama. Penyelidikannya diiktiraf dengan Anugerah Poster Terbaik dalam *19th Undergraduate Colloquium of Health Sciences*. Beliau turut mengetuai Program Khidmat Sosial untuk aktiviti pembersihan Pantai Redang, menjadi Timbalan Pengarah Program Lawatan ke Bukit Melawati serta menyumbang kepada Program Semarak Hijau. Dalam kerjaya, beliau dilantik sebagai *In-Life Testing Personnel* di fasiliti bukan klinikal GLP dan mengurus pembiakan tikus AG129 di BioRCF. Beliau turut meraih Anugerah Penyampai Terbaik Pendidikan Perubatan Berterusan (CME) bagi staf sokongan HMRC.

Ketika pandemik COVID-19, beliau berkhidmat di barisan hadapan menerusi Pasukan Bantuan Ke-53 Negeri Selangor dan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Atas sumbangannya, beliau menerima pengiktirafan sebagai Wira COVID-19 daripada Menteri Kesihatan Malaysia. Perjalanannya membuktikan bahawa amanah menguatkan tekad mengejar cita-cita. Sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor Kali Ke-20 Tahun 2026, Anugerah Pengerusi dianugerahkan kepada beliau sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan akademik, keteguhan peribadi dan khidmat baktinya. Beliau ialah cerminan graduan UNISEL yang berilmu, berintegriti dan bersedia menyumbang kepada sains bioperubatan dan kesejahteraan masyarakat.

Born on 7 September 1992 at Alor Setar General Hospital, Kedah, Nurul Syahira Shabudin is the eldest of three siblings. She attended Sekolah Kebangsaan Alor Mengkudu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah and Sekolah Menengah Sains Pokok Sena. In 2010, she pursued a Diploma in Science at Universiti Teknologi MARA. Her deep interest in medical laboratory science led her to pursue a second diploma, the Diploma in Medical Laboratory Technology, at the Ministry of Health Malaysia Training Institute. She graduated with a CGPA of 3.98 and received the Dean's Award every semester.

In 2019, she began her career as a Medical Laboratory Technologist at the Herbal Medicine Research Centre of the Institute for Medical Research at the National Institutes of Health. Her work encompasses preclinical research, breeding AG129 mice for dengue studies, in vitro and in vivo cytotoxicity testing, and evaluating the therapeutic potential of herbal medicines. Her mother, a teacher who pursued further studies while managing work and family, inspired her to return to university. In 2022, she enrolled in the Bachelor of Biomedical Science (Honors) program at UNISEL while working.

Despite balancing work and studies, she remained on the Dean's List throughout. In her final semester in August 2025, she achieved a CGPA of 3.85 and First-Class Honors. Her research earned the Best Poster Award at the 19th Undergraduate Colloquium of Health Sciences. She led the Social Service Program in a beach-cleaning activity at Pantai Redang, served as Deputy Program Director for the Bukit Melawati Visit Program, and contributed to Semarak Hijau. At IMR, she served as In-Life Testing Personnel at its Good Laboratory Practice Non-Clinical Research Facility and managed AG129 mouse breeding at BioRCF. She also received the Best Continuing Medical Education (CME) Presenter Award for HMRC support staff.

During the COVID-19 pandemic, she served on the front line through Selangor's 53rd Assistance Team and the National COVID-19 Immunization Task Force. Malaysia's Minister of Health recognized her as a COVID-19 Hero. Her journey demonstrates that responsibility strengthens the resolve to pursue one's aspirations. At the 20th Convocation Ceremony of Universiti Selangor in 2026, she was presented with the Chairman's Award in recognition of her academic excellence, personal resilience, and dedicated service. She is a knowledgeable and principled UNISEL graduate, ready to contribute to biomedical science and society's well-being.

ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN (DOKTOR FALSAFAH) 2026

EDUCATION EXCO AWARD (DOCTOR OF PHILOSOPHY) 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: Top Glove Corporation Berhad

ABU NAAIM BIN MUNIR

Doktor Falsafah Pengurusan
PhD in Management
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FBA)
Faculty of Business and Accountancy (FBA)



Dilahirkan pada 20 Jun 1966 dan berasal dari Lenga, Muar, Johor, Abu Naaim bin Munir merupakan seorang tokoh akademik dan pengamal industri berdedikasi. Beliau memperoleh ijazah *Bachelor of Science* dari Arizona State University, Amerika Syarikat, sebelum memulakan kerjaya profesionalnya pada tahun 1991 merentasi pelbagai sektor industri tempatan serta syarikat multinasional dari Amerika Syarikat dan Singapura. Semasa berkhidmat di Ford Malaysia, beliau melengkapkan pengajian *Master of Business Administration* (MBA) pada tahun 2003. Beliau telah berkahwin dan dikurniakan empat orang cahaya mata.

Disertasi Doktor Falsafah (PhD) beliau berfokuskan kajian "Konflik Antara Generasi di Tempat Kerja dalam Syarikat-syarikat Milik Kerajaan Negeri Selangor". Hasil penyelidikan beliau telah diterbitkan menerusi dua terbitan majalah akademik *Selangor Business Review*. Kajian ini memberi sumbangan signifikan dan penyelesaian praktikal kepada organisasi di Selangor dan Malaysia dalam mengurus serta meminimumkan risiko konflik antara generasi di tempat kerja.

Sepanjang perkhidmatannya di Universiti Selangor (UNISEL) sejak tahun 2011, Abu Naaim pernah digalaskan tanggungjawab kepimpinan sebagai Timbalan Dekan dan Memangku Dekan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan. Berbekalkan pengalaman industri selama 18 tahun, beliau menerapkan prinsip *"operational excellence"* dalam pengurusan fakulti demi kelestarian kewangan universiti, yang membuahkan penjimatan kos pensyarah sambilan hingga mencecah ratusan ribu ringgit setahun pada tempoh 2016–2017.

Atas kecekapan pentadbiran tersebut, pengurusan tertinggi UNISEL memberi kepercayaan kepada beliau untuk mengetuai Pusat Pembangunan Perniagaan pada tahun 2017, yang kemudiannya digabung menjadi Jabatan Pengurusan Aset dan Pembangunan Perniagaan (JPAPP). Menerusi strategi penataan dan pengoptimuman aset universiti, JPAPP berjaya menjana pendapatan bukan yuran *(non-core income)* secara berperingkat, bermula daripada puluhan ribu ringgit pada tahun 2018 sehingga mencecah RM1.5 juta hingga RM2.0 juta setahun. Beliau turut mengemudi projek Pemasangan Solar Photovoltaic (PV) di Kampus Bestari Jaya dan Shah Alam, yang menyumbang penjimatan bil elektrik universiti sekitar RM350,000 setahun.

Dalam aspek kemasyarakatan (CSR), beliau aktif menerajui sumbangan tilam percuma dan kediaman tanpa sewaan kepada mangsa banjir 2021, serta menderma perabot makmal terpakai kepada sekolah, tadika, dan maahad tahfiz. Berbekalkan penganugerahan PhD ini, Abu Naaim bertekad untuk terus menyumbang bakti secara lebih berimpak kepada universiti, masyarakat, dan negara.

Born on 20 June 1966 in Lenga, Muar, Johor, Abu Naaim bin Munir is a dedicated academician and seasoned industry practitioner. He earned his Bachelor of Science degree from Arizona State University, USA, before embarking on his professional career in 1991 across diverse industrial sectors, including multinational corporations from the USA, Singapore, and Malaysia. While serving at Ford Malaysia, he completed his Master of Business Administration (MBA) in 2003. He is happily married and blessed with four children.

His Doctoral (PhD) thesis focuses on "Intergenerational Conflict in the Workplace within Selangor State-Owned Organisations". Key findings from his research have been published in two editions of the Selangor Business Review. This study offers valuable academic frameworks and practical solutions for corporate entities in the State of Selangor and across Malaysia to effectively mitigate and manage intergenerational conflict risks in modern work environments.

Since joining Universiti Selangor (UNISEL) in 2011, Abu Naaim has contributed significantly as a lecturer and held key administrative roles, including Deputy Dean and Acting Dean of the Faculty of Business and Accountancy. Leveraging 18 years of corporate experience, he introduced "operational excellence" to faculty governance for UNISEL's financial sustainability, which resulted in significant cost optimization for part-time lecturers, saving hundreds of thousands of ringgit annually between 2016 and 2017.

In recognition of his administrative capabilities, UNISEL's top management appointed him to lead the Centre for Business Development in 2017, which subsequently merged into the Department of Asset Management and Business Development (JPAPP). Through strategic asset optimization efforts, JPAPP successfully scaled the university's non-core revenue streams from tens of thousands of ringgit in 2018 to an impressive RM1.5 to RM2.0 million annually. Furthermore, he spearheaded the Solar Photovoltaic (PV) installation project across the Bestari Jaya and Shah Alam campuses, yielding annual electricity cost savings of approximately RM350,000.

Beyond his administrative achievements, Abu Naaim actively champions UNISEL's Corporate Social Responsibility (CSR) programs. He spearheaded flood relief initiatives in 2021 by securing free mattresses and temporary rent-free housing for affected victims, alongside donating refurbished laboratory furniture to local kindergartens, schools, and tahfiz institutions. Armed with his Doctor of Philosophy, Abu Naaim remains committed to driving impactful contributions toward the university, community, and nation.

ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN (SARJANA) 2026

EDUCATION EXCO AWARD (MASTER'S DEGREE) 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: Top Glove Corporation Berhad

MUHAMMAD IMRAN BIN JAMALUDIN

Sarjana Sains (Bioteknologi)
Master of Science (Biotechnology)
Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat (FKSH)
Faculty of Engineering and Life Sciences (FELS)



Muhammad Imran bin Jamaludin dilahirkan di Hospital Kuala Kubu Bharu, Selangor, dan dibesarkan di Sungai Besar. Beliau ialah anak ketiga daripada lima beradik kepada pasangan En. Jamaludin bin Ismail, seorang juruteknik, dan Pn. Hamisah binti Imas, seorang guru. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Parit 6 1/2 sebelum meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Terap. Aliran Sains telah mengukuhkan minatnya terhadap bidang sains hayat.

Selepas tamat sekolah, beliau memilih Universiti Selangor (UNISEL) untuk membina laluan akademiknya. Beliau menamatkan Diploma Teknologi Makmal Perubatan pada 2017 dan Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Industri pada 2021. Selepas memperoleh pengalaman profesional selama tiga tahun, beliau kembali ke UNISEL pada 2024 dan menamatkan Sarjana Sains (Bioteknologi) secara penyelidikan pada 2026.

Pengalaman beliau merangkumi teknologi makmal perubatan, kultur tisu tumbuhan dan penyelidikan bioteknologi. Sebagai Pembantu Penyelidik di UNISEL dan UiTM, beliau terlibat dalam kajian metagenomik, genomik, kultur mikroalga, proteomik dan bioinformatik. Penyelidikan sarjananya menilai kesan monokultur padi jangka panjang terhadap sifat fizikokimia tanah, kepelbagaian komuniti mikrob dan profil gen berfungsi di Tanjung Karang, dengan tanah Hutan Simpan Raja Musa sebagai rujukan. Kajian ini menjelaskan perubahan nutrien, logam berat dan fungsi mikroorganisma dalam sistem penanaman padi intensif.

Beliau ialah penulis bersama artikel berindeks Scopus dalam *International Journal of Molecular Sciences,* penerbitan mengenai dinamik nutrien tanah dan logam berat di sawah Tanjung Karang, serta sebuah buku terbitan Penerbit UIS pada 2025. Beliau turut dinamakan sebagai penulis karya berdaftar hak cipta *Metagenomics Analysis: Downstream Analysis.* Di pentas persidangan antarabangsa, beliau menerima Anugerah Pembentang Poster Terbaik dan menyampaikan dua pembentangan penyelidikan.

Selain akademik, beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden UNISEL *Marlins Rugby Club* bagi sesi 2025 dan menjalankan tugasan perundingan berkaitan bioteknologi. Hal ini mengukuhkan kepimpinan dan komunikasi profesionalnya. Beliau berhasrat menggabungkan

mikrobiologi, metagenomik dan bioinformatik untuk menyokong pengurusan kesihatan tanah serta pembangunan teknologi pertanian berasaskan bukti. Kejayaannya menerima Anugerah Exco Pendidikan (Sarjana) mencerminkan disiplin, ketekunan dan komitmennya untuk menterjemahkan pengetahuan saintifik kepada manfaat praktikal.

Muhammad Imran bin Jamaludin was born at Kuala Kubu Bharu Hospital, Selangor, and grew up in Sungai Besar. He is the third of five children of Jamaludin bin Ismail, a technician, and Hamisah binti Imas, a teacher. He received his primary education at Sekolah Kebangsaan Parit 6 1/2 and continued his studies at Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Terap, where the science stream further strengthened his interest in life sciences.

After secondary school, he chose Universiti Selangor (UNISEL) to build his academic pathway. He completed a Diploma in Medical Laboratory Technology in 2017 and a Bachelor of Industrial Biotechnology in 2021. After three years of professional experience, he returned to UNISEL in 2024 and completed a research-based Master of Science in Biotechnology in 2026.

His experience spans medical laboratory technology, plant tissue culture and biotechnology research. As a Research Assistant at UNISEL and UiTM, he contributed to studies involving metagenomics, genomics, microalgae cultivation, proteomics and bioinformatics. His master's research examined the effects of long-term paddy monoculture on soil physicochemical properties, microbial community diversity and functional gene profiles in Tanjung Karang, using soil from the Raja Musa Forest Reserve as a reference. This study clarified changes in nutrients, heavy metals and microbial functions in an intensively managed rice production system.

He co-authored a Scopus-indexed article in the International Journal of Molecular Sciences, a publication on soil nutrients and heavy-metal dynamics in the Tanjung Karang paddy fields, and a book published by Penerbit UIS in 2025. He is also a named author of the registered copyrighted work Metagenomics Analysis: Downstream Analysis. At an international conference, he received the Best Poster Presenter Award and delivered two research presentations.

Beyond his academic work, he was appointed Deputy President of the UNISEL Marlins Rugby Club for the 2025 session and undertook biotechnology-related consultancy assignments. These experiences strengthened his leadership, teamwork and professional communication. He intends to integrate microbiology, metagenomics and bioinformatics to support evidence-based soil health management and the development of agricultural technologies. Receiving the Education EXCO Award (Master's) recognises the discipline, perseverance and commitment that have shaped his postgraduate journey, and affirms his determination to translate scientific knowledge into practical benefits for agriculture, environmental management and society.

ANUGERAH EXCO PENDIDIKAN (IJAZAH SARJANA MUDA) 2026

EDUCATION EXCO AWARD (BACHELOR'S DEGREE) 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: Top Glove Corporation Berhad

PAVITREN A/L SUNTARRAJAN

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri (Kepujian)
Bachelor of Industrial Management (Honours)
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan (FBA)
Faculty of Business and Accountancy (FBA)



Pavitren a/l Suntarrajan dilahirkan pada 16 Januari 2000 di Seremban, Negeri Sembilan, dan merupakan anak ketiga daripada empat orang adik-beradik. Beliau dibesarkan dalam suasana keluarga yang sederhana oleh bapanya, En. Suntarrajan a/l Sinniah, seorang pemandu lori, dan ibunya, Pn. Mohana a/p Kaniappan, seorang suri rumah. Pengorbanan, keredaan, dan sokongan padu daripada kedua-dua ibu bapanya sentiasa menjadi pendorong utama yang membentuk keperibadian beliau sebagai seorang yang berdisiplin tinggi, berdikari, dan berjiwa kental.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Lorong Jawa, Seremban, sebelum meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Paul, Seremban. Minat mendalam beliau terhadap sektor logistik tercetus daripada rasa kagum terhadap pengurusan rantaian pembekalan dan pergerakan barangan secara sistematik. Minat tersebut mendorong beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Logistik dan Rantaian Bekalan di Politeknik Nilai, sebelum meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri (Kepujian) di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Selangor (UNISEL).

Sepanjang tempoh pengajian di UNISEL, Pavitren membuktikan kecemerlangan akademik konsisten apabila meraih Anugerah Dekan pada setiap semester. Kecemerlangan ini digandingkan dengan penglibatan aktif dalam arena kepimpinan mahasiswa. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden *Bachelor of Industrial Management Club* (BIMAC) serta digalaskan tanggungjawab sebagai Exco Multimedia dan Hal Ehwal Korporat, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISEL sesi 2024–2025.

Kewibawaan beliau turut terbukti menerusi peranan penting dalam Program Pertukaran Pelajar ke Chengdu, China pada tahun 2024. Selain itu, beliau aktif dalam penganjuran *FBA Alumni Gala Night* serta pelbagai aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan. Pengalaman luas ini berupaya mengasah kemahiran insaniah beliau terutamanya dalam aspek kepimpinan, komunikasi berkesan, dan kerjasama berpasukan.

Ketekunan Pavitren menyerlah apabila beliau berjaya mengimbangi tuntutan pengajian dan kepimpinan dengan bekerja secara sambilan di 7-Eleven. Menerusi pengurusan masa yang berkesan, beliau kekal cemerlang. Berbekalkan ilmu di UNISEL, Pavitren berhasrat membina kerjaya profesional dalam bidang pengurusan rantaian bekalan dan logistik, di samping terus memberikan sumbangan berimpak positif kepada masyarakat dan negara.

Pavitren a/l Suntarrajan was born on 16 January 2000 in Seremban, Negeri Sembilan, and is the third of four siblings. Raised in a humble family, his father, Mr. Suntarrajan a/l Sinniah, works as a lorry driver, while his mother, Mrs. Mohana a/p Kaniappan, is a dedicated homemaker. The unwavering support and selflessness of his parents have been the foundation that shaped him into a disciplined, self-reliant, and resilient individual.

He began his early education at Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Lorong Jawa, Seremban, before completing his secondary schooling at Sekolah Menengah Kebangsaan St. Paul, Seremban. His passion for logistics stemmed from a deep fascination with supply chain management and the systematic movement of goods from suppliers to end consumers. Driven by this ambition, he earned a Diploma in Logistics and Supply Chain at Politeknik Nilai before furthering his tertiary education at Universiti Selangor (UNISEL), pursuing a Bachelor of Industrial Management (Honours) under the Faculty of Business and Accountancy.

Throughout his undergraduate journey at UNISEL, Pavitren showcased exceptional academic dedication, consistently achieving the Dean's Award every semester. Parallel to his academic accomplishments, he actively distinguished himself in student leadership. He served as the Vice President of the Bachelor of Industrial Management Club (BIMAC) and was elected as the Executive Committee Member for Multimedia and Corporate Affairs of the UNISEL Student Representative Council (MPP) for the 2024–2025 term.

His leadership capabilities were further recognized when he was entrusted with a key leadership role during the Student Exchange Programme to Chengdu, China, in 2024. Additionally, he contributed significantly to the execution of the FBA Alumni Gala Night and various community outreach and volunteerism initiatives. These enriching experiences honed his soft skills, particularly in strategic leadership, effective communication, teamwork, and social responsibility.

Pavitren's resilience is demonstrated through his ability to balance demanding academic coursework and leadership commitments while working part-time at 7-Eleven. Through disciplined time management and grit, he maintained his top-tier academic record while demonstrating a strong work ethic. Looking forward, Pavitren aspires to establish a successful professional career in the management and logistics industry, continuously developing his capabilities to contribute meaningfully to organizations and society. His journey exemplifies that true excellence is forged through perseverance, discipline, courage to seize opportunities, and an unwavering spirit in overcoming adversity.

ANUGERAH NAIB CANSELOR 2026

VICE CHANCELLOR AWARD 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: Top Glove Corporation Berhad

NUR ALYA INSYIRAH BINTI RAHMAN

Diploma Psikologi
Diploma in Psychology
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial (FESS)
Faculty of Education and Social Sciences (FESS)



Nur Alya Insyirah binti Rahman, yang dilahirkan pada 26 Jun 2005 dan dibesarkan di Shah Alam, Selangor, merupakan anak ketiga pasangan Rahman bin Mat Kapot dan Yusnani binti Mohd Yussoff. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Islam Hira' sebelum meneruskan persekolahan di SMI Hira' dan SMK Seksyen 7, Shah Alam. Aktif dalam kegiatan kokurikulum, beliau pernah meraih naib johan dalam Pertandingan Kawad Kaki Berirama semasa Perkhemahan Nasional di Udara (PeNaRa), suatu pengalaman yang membentuk disiplin dan semangat berpasukan dalam dirinya. Minat beliau terhadap psikologi lahir daripada rasa empati terhadap isu-isu masyarakat dan keinginan untuk memahami manusia. Beliau turut mendapat dorongan daripada ibunya untuk melanjutkan pengajian dalam bidang psikologi di Universiti Selangor (UNISEL).

Beliau memperoleh PNGK 3.86 dan menerima Anugerah Dekan secara konsisten pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya. Dalam bidang kepimpinan mahasiswa, beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha 1 Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Ketua Biro Keusahawanan Persatuan Pelajar Psikologi dan Ketua Biro Media Makmal Psikologi. Pengalaman ini memperkukuh kemahiran beliau dalam kepimpinan, pengurusan organisasi dan komunikasi. Beliau turut aktif dalam program kemasyarakatan dan psikologi sebagai pengarah Program *Psychological First Aid* (PFA) bersama Pusat Pakar Psikologi Jiwadamai, fasilitator Minggu Tekad Siswa UNISEL serta pemimpin Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) di Shah Alam dan Port Dickson. Penglibatan ini mencerminkan komitmen beliau untuk menerapkan ilmu psikologi demi kesejahteraan komuniti. Beliau juga meraih Pingat Gangsa dalam *International Disability Invention, Design and Innovation* (iDIDI) serta Pingat Perak dalam *Innovation Psychology Exhibition* (IPEX) 2025. Pencapaian ini menggambarkan kreativiti dan keupayaan beliau untuk mengaplikasikan ilmu psikologi secara inovatif.

Selepas menamatkan Diploma Psikologi, Nur Alya Insyirah terus berkongsi ilmu psikologi melalui media sosial untuk meningkatkan kesedaran masyarakat. Kandungan yang dikongsikannya telah meraih lebih daripada 600,000 tontonan. Minat yang mendalam terhadap

bidang ini mendorong beliau untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Psikologi (Kepujian) bagi memperluas pengetahuan dan meningkatkan kemahirannya. Berbekalkan kecemerlangan akademik, pengalaman kepimpinan dan komitmen terhadap masyarakat, beliau berhasrat untuk terus berkembang serta memberikan impak positif kepada komuniti.

Nur Alya Insyirah binti Rahman, born on 26 June 2005 and raised in Shah Alam, Selangor, is the third child of Rahman bin Mat Kapot and Yusnani binti Mohd Yussoff. She received her early education at Sekolah Rendah Islam Hira' before continuing her studies at SMI Hira' and SMK Seksyen 7, Shah Alam. Active in co-curricular activities, she won second place in the Pertandingan Kawad Kaki Berirama during the Perkhemahan Nasional di Udara (PeNaRa). This experience instilled in her discipline and a strong sense of teamwork. Her interest in psychology grew from her empathy for social issues and her desire to understand people. She was also encouraged by her mother to pursue psychology at Universiti Selangor (UNISEL).

She achieved a CGPA of 3.86 and consistently received the Dean's Award in every semester of her studies. In student leadership, she served as Secretary 1 of the Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Head of the Entrepreneurship Bureau of the Psychology Students' Association (PSA), and Head of the Media Bureau of the Psychology Lab. These roles strengthened her skills in leadership, organisational management and communication. She was also actively involved in community and psychology programmes, serving as Director of the Psychological First Aid (PFA) programme with Pusat Pakar Psikologi Jiwadamai, a facilitator for UNISEL's Minggu Tekad Siswa, and leader of the Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) Programme in Shah Alam and Port Dickson. These experiences reflect her commitment to applying psychological knowledge to promote community well-being. She also received a Bronze Medal at the International Disability Invention, Design and Innovation (iDIDI) and a Silver Medal at the Innovation Psychology Exhibition (IPEX) 2025. These achievements demonstrate her creativity and ability to apply psychological knowledge in innovative ways.

After completing her Diploma in Psychology, Nur Alya Insyirah continued to share psychological knowledge through social media to raise public awareness. Her content has received more than 600,000 views. Her passion for the field inspired her to pursue a Bachelor of Psychology (Hons.) to broaden her knowledge and further develop her skills. Building on her academic excellence, leadership experience and commitment to the community, she aspires to continue growing and making a positive impact on society.

ANUGERAH SAINS KESIHATAN SELFA 2026
SELFA HEALTH SCIENCES AWARD 2026

Piala & Sijil
Trophy & Certificate
Penaja: Top Glove Corporation Berhad

FARISYA HUMAIRA BINTI SAHARUDIN

Diploma Kejururawatan
Diploma in Nursing
Fakulti Sains Kesihatan (FSK)
Faculty of Health Sciences (FSK)



Farisya Humaira binti Saharudin, anak sulung daripada empat beradik, dilahirkan pada 30 Jun 2005 di Selangor Medical Centre dan dibesarkan dalam keluarga sederhana. Ayahnya berniaga ayam segar di Pasar Besar Klang, dibantu oleh ibunya. Kesungguhan dan pengorbanan ibu bapanya menjadi inspirasi utama yang membentuk disiplin, ketabahan dan semangat beliau untuk berjaya dalam pendidikan.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Batu Belah dengan keputusan UPSR 2A, 2B dan 2C, sebelum meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Setia Alam dan memperoleh 4A, 1B dan 4C dalam SPM.

Minat terhadap bidang kesihatan dan keinginan membantu orang lain mendorong beliau melanjutkan pengajian dalam Diploma Kejururawatan di Universiti Selangor. Beliau menamatkan pengajian dengan CGPA 3.93 dan menerima tajaan daripada Hospital Pantai Klang, sekali gus mengukuhkan tekadnya dalam bidang kejururawatan.

Selain akademik, Farisya aktif dalam kokurikulum dan khidmat masyarakat, termasuk bertugas sebagai fasilitator Program MTSB, menyertai *Mental Health Walk,* sukarelawan gotong-royong komuniti, menganggotai kumpulan perubatan Pesta Konvokesyen, ahli jawatankuasa program Gaya Hidup Sihat di SMK Puncak Alam dan wakil fakulti dalam Jelajah Hari Terbuka di Bagan Datuk. Penglibatan ini memperkukuh kemahiran kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan semangat berbakti.

Kini, beliau berkhidmat di Hospital Pantai Klang, merawat pesakit daripada pelbagai latar belakang dan disiplin perubatan. Pengalaman ini memperkukuh kemahiran klinikal, keyakinan profesional dan komitmennya untuk memberikan penjagaan berkualiti.

Perjalanan Farisya turut menginspirasikan keluarganya, khususnya adik perempuan beliau yang mengikuti jejaknya dalam Diploma Kejururawatan di Universiti Selangor. Kejayaan ini menjadi kebanggaan keluarga dan mendorong beliau untuk terus menjadi contoh yang baik.

Segala pencapaiannya tidak terpisah daripada doa, pengorbanan dan sokongan ibu bapa, pensyarah serta rakan-rakan. Dorongan mereka menjadi kekuatan utama untuk beliau terus berusaha, berbakti dan mengejar kecemerlangan dalam kejururawatan serta kehidupan.

Farisya Humaira binti Saharudin, born on 30 June 2005 at Selangor Medical Centre, is the eldest of four siblings and was raised in a modest family. Her father, a fresh chicken trader at Pasar Besar Klang, and her mother, who helps manage the family business, have inspired her through their hard work and sacrifices, shaping her into a disciplined, resilient, and determined individual committed to academic excellence.

She began her education at Sekolah Kebangsaan Batu Belah, earning 2As, 2Bs, and 2Cs in UPSR, before continuing at Sekolah Menengah Kebangsaan Setia Alam, where she achieved 4As, 1B, and 4Cs in SPM.

Motivated by her passion for healthcare and serving others, she pursued a Diploma in Nursing at Universiti Selangor (UNISEL), graduating with a CGPA of 3.93. Her strong performance earned her sponsorship from Hospital Pantai Klang and further strengthened her commitment to nursing.

Beyond academic achievement, Farisya has actively participated in various co-curricular and community engagement activities. She served as a facilitator for the MTSB Programme in the August 2025 semester, participated in the Mental Health Walk programme, volunteered in numerous community clean-up initiatives, served as a Medic Team member during the September 2025 Convocation Festival, became a committee member for the Healthy Lifestyle Programme at SMK Puncak Alam, and represented the faculty during the Jelajah Hari Terbuka in Bagan Datuk in October 2024. These experiences have strengthened her leadership, communication, teamwork, and community service skills.

She currently serves at Hospital Pantai Klang, where she cares for patients from diverse backgrounds across a range of medical disciplines. This role has strengthened her clinical competence, professional confidence, and commitment to continuous learning while delivering safe, compassionate, and high-quality patient care.

Her journey has inspired her family, especially one younger sister who followed her path by pursuing a Diploma in Nursing at Universiti Selangor. This remains a source of family pride and motivates her to lead by example.

